

# Pesaka perlu bapa angkat

26 AUG 1990

Oleh B. Minggu (M)  
RAHIME  
YUSOFF

**PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka)** memerlukan bapa angkat dalam usaha merangka rancangan pembangunan lebih cemerlang terutama bagi menghadapi Sukan SEA Manila, tahun depan.

Setiausaha Pesaka, Abdul Rahman Hassan, berkata tanpa bapa angkat, matlamat Pesaka menyusun rancangan pembangunan lebih berkesan sukar dicapai kerana ia memerlukan sumber kewangan mencukupi.

Menurutnya, setakat ini, Pesaka bergantung penuh kepada bantuan kewangan Majlis Sukan Negara (MSN) dan rancangan pembangunan juga turut terhad.

Pesilat negara seperti Wan Aminuddin Bakri Abu Bakar, Azam Haji Abbas, Ahmad Wardi, Khusairi Ibrahim, Wan Adnan Wan Isa, Mazlan Shaari dan Zakaria Hamzah yang berpotensi menguasai Kejuaraan Sedunia mungkin tercincir tanpa bantuan.

"Saya juga hairan kenapa sukan silat tidak mendapat perhatian sektor korporat untuk menjadi bapa angkat, sedangkan perkembangan sukan ini mendapat sambutan luar biasa daripada penonton setiap kali kejohanan kebangsaan



■ AZAM ABAS...perlu bantuan.

atau antarabangsa dia-dakan.

"Selain itu, sukan silat sudah berkembang lebih 20 negara di rantau Eropah dan Amerika Syariat.

"Kami juga berusaha mengembangkan silat ke pelusuk dunia sekalipun dalam keadaan terlalu daif," katanya.

Katanya, pada Kejoha-

nan Silat Sedunia di Kuala Lumpur 1987 selama seminggu, tidak kurang 8,000 penonton menyaksikan kejohanan itu setiap malam.

Begitu juga pada setiap kejohanan kebangsaan di mana tidak kurang 2,000 penonton memberi sokongan.

Pada Kejohanan Sedunia dan Sukan SEA XV

lalu, Malaysia meraih empat pingat emas.

Rahman berharap Petronas, Shell, Sports Toto, Mangnum, Permodalan Nasional Berhad boleh membantu untuk pembangunan silat.

Sebelum ini, katanya, EON sudah menjadi bapa angkat kepada Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) dan menyumbang \$1 juta, dan begitu juga Nestle menyumbang lebih \$300,000 kepada anak angkatnya, Persatuan Judo Malaysia.

Rahman berkata Petronas sepertinya tampil ke depan memajukan sukan silat kerana dalam iklan minyak pelincirnya, mereka menggunakan unsur silat sebagai imej kecermerlangan dan unggulan minyak itu.

"Kami turut mempunyai matlamat memajukan sukan ini sama seperti sukan lain yang sudah popular di negara ini."

"Malah, berdasarkan perkembangan silat di serata dunia terutama di Barat, kemungkinan silat menjadi salah satu acara pada Sukan Olimpik nanti," katanya.

Menurutnya, walaupun Pesaka bercita-cita tinggi mengembangkan budaya bangsa ke mata dunia, tanpa sokongan kewangan hasrat itu mungkin tinggal impian dan Malaysia pasti akan terus tertinggal ke belakang.